

Kerajaan yang kuat penting untuk buat keputusan tanpa takut

UM - 4 SEP 1990

MELAKA 3 Sept. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad, petang ini menegaskan, amat penting sekali untuk mempunyai sebuah kerajaan yang kukuh dan kuat bagi membolehkan untuk membuat keputusan-keputusan tanpa takut.

Tegas Perdana Menteri, jika kerajaan tidak kukuh dan kuat, ia akan berada dalam ketakutan dan tidak boleh membuat keputusan-keputusan yang mungkin akan menjadi isu pada rakyat.

Beliau memberi contoh tentang pangsapuri lima tingkat yang dirasmikannya hari ini yang boleh dijadikan isu kalau mahu, misalnya, bagaimana hendak duduk di tingkat lima tanpa lif dan bagaimana orang yang sakit jantung hendak naik sampai tingkat lima.

Dato' Sri Dr. Mahathir menimbulkan ini itu semasa merasmikan Pangsapuri Seri Siant-

an Bukit Baru di sini petang ini. Pangsapuri yang projeknya berharga lebih \$10.4 juta itu mempunyai sebanyak 344 unit kediaman termasuk 28 unit kedai dan telah mula didiami Sabtu lalu.

Menurut beliau lagi, parti-parti pembangkang sentiasa berusaha untuk membangkitkan perasaan rakyat supaya mengkritik projek-projek kerajaan.

"Parti lawan cuba nak cari benda yang hendak menyakitkan hati kita. Bila kita sakit hati, dia dapat untung. Kalau kita senang hati, dia rugi dia tidak seronok sama sekali bila tengok kita senang hati.

"Yang dia tak suka sekali ialah bila rakyat senyum, rakyat ketawa, rakyat riang gembira. Dia tak seronok. Dia suka orang semua muram belaka. Kompleks sepanjang masa dengan itu dia boleh cukup supaya dia boleh

dapat undi," kata Dato' Sri Dr. Mahathir. >

Bagaimanapun, Perdana Menteri yakin rakyat negeri ini tidak akan termakan dengan hasutan parti-parti pembangkang itu.

Beliau berkata, kerajaan berusaha sepanjang masa untuk meningkatkan lagi taraf sosio-ekonomi rakyat negara ini. Kerajaan mahu rakyat hidup lebih selesa, sempurna, bahagia dan baik dari dulu.

Menurut beliau, oleh kerana sokongan padu rakyat itu jugalah membolehkan BN mampu untuk membentuk dasar-dasar yang boleh membangunkan negara.

Beliau berkata, jika penghidupan rakyat selesa, baik dan bahagia sudah pasti rakyat akan mempunyai sifat patriotik, cinta dan sayangkan negara kerana ia memberikan mereka penghidupan yang selesa dan baik.